



MENTERI SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

7 WARIS NAHAS UDARA ELMINA LAYAK PAMPASAN PERKESO

Kementerian Sumber Manusia (KSM) menzahirkan ucapan takziah buat seluruh keluarga nahas udara yang berlaku di Lebuhraya Guthrie Exit 3504 Elmina East, Kawasan Perumahan Elmina 8, Shah Alam pada 17 Ogos lalu. Tragedi yang menyaksikan sebuah pesawat sewaan khas terhempas di lokasi terbabit, mengorbankan lapan (8) individu, masing-masing enam (6) penumpang dan dua (2) kru penerbangan, selain dua (2) orang awam yang berada di lokasi kejadian amat meruntun jiwa.

Sejurus menerima khabar duka insiden ini, saya mengarahkan PERKESO untuk mengambil tindakan proaktif seperti kelaziman dengan membuat tindakan segera menyemak status kelayakan 10 mangsa tersebut mengikut peruntukan perlindungan PERKESO. Sehubungan itu, pegawai pejabat PERKESO Selangor mendapatkan maklumat mangsa dan waris di Jabatan Forensik, Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang.

Hasil semakan mendapati **enam (6) keluarga mangsa** mempunyai kelayakan mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), manakala **sebuah (1) lagi keluarga mangsa** mempunyai dua kelayakan, masing-masing menerusi Akta 4 dan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789). **Melalui skim-skim diperuntukkan dalam akta tersebut, waris layak menerima bayaran Faedah Pengurusan Mayat (FPM) sehingga RM2,000 dan bayaran faedah pencen berkala.**

Setakat ini, saya dimaklumkan bahawa PERKESO sudah membuat **bayaran FPM kepada tiga (3) keluarga mangsa yang memberikan maklumat awal**. Sementara itu, empat (4) keluarga mangsa belum dapat memberikan maklumat awal kerana belum bersedia. Oleh itu, anggota PERKESO di pejabat berkaitan mengikut lokaliti waris diarah untuk sentiasa bersiap-siaga bagi menghulurkan bantuan selayaknya.

Caruman PERKESO ternyata memberi manfaat, khususnya demi kelangsungan keluarga tersayang apabila getir hidup datang melanda. Bak kata pepatah, ‘geruh tidak berbunyi, malang tidak berbau’. Semoga perlindungan yang diberi oleh PERKESO ini berupaya meringankan bebanan yang perlu ditanggung oleh waris dan keluarga mangsa.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR
MENTERI SUMBER MANUSIA
19 OGOS 2023**